

04/07/2001

Padah hasad dengki Melayu

Abdul Wahab Mohamad

HASAD dengki di kalangan Melayu makin mendalam. Ia berikutan kejayaan serta keberkesanan pelbagai dasar perlindungan yang kerajaan perkenalkan demi meningkatkan taraf kehidupan Melayu.

Dengan lahirnya profesional dan usahawan Melayu yang boleh dianggap berjaya berikutan dasar perlindungan ini, khususnya Dasar Ekonomi Baru (DEB), turut bersemarak hasad dengki terhadap segelintir kelompok yang berjaya ini daripada sekelompok Melayu yang masih gagal memanfaatkan dasar itu.

Ia juga datang daripada mereka yang kejayaan diperoleh kurang daripada kelompok yang lebih berjaya tadi. Pantang saja melihat Melayu lain lebih berjaya daripadanya, ternampaklah sikap hasad dengki itu.

Lalu kedengaran suara sumbang di kalangan mereka kononnya mengenai ketidakadilan pada sistem pentadbiran negara yang ada, hingga menganiayai mereka.

Ini ditambah pula dengan fungsi 'batu api' pihak tertentu khususnya parti pembangkang yakni Pas, mengacum kelompok ini supaya melahirkan rasa tidak senang terhadap parti memerintah. Ia memburukkan lagi keadaan.

Kalau keadaan itu buruk pada hari biasa kehidupan, ia semakin buruk pada hari menjelang pilihan raya - baik pilihan raya kecil mahupun pilihan raya umum, apabila parti pembangkang cuba memikat undi rakyat untuk memenangi pilihan raya berkenaan.

Lalu bertungkus-lumuslah parti memerintah berusaha hendak menangani hal ini. Satu daripada usaha itu ialah dengan cuba menampakkan kepada rakyat betapa pemimpin Melayu daripada pelbagai peringkat dalam parti memerintah, serta mereka dari kalangan Melayu lainnya, adalah hampir sama saja. Tiada yang lebih, tiada yang kurang.

Oleh sebab itulah, apabila berkunjung ke kawasan pilihan raya, kenderaan mewah dan separa mewah disimpan dalam 'porch' di rumah, lalu berkereta Protonlah ke sana bagi memperlihatkan kesederhanaan.

Jika sebelumnya amat selesa mengadakan pertemuan dengan rakan-rakan di coffee house, kini apabila turun padang menemui pengundi, mereka harus selesa di warung kopi tepi jalan dan tepi sungai, berbual sambil menjamu hampir semua yang bertandang ke situ.

Inilah dilemanya. Dalam pada hendak menunjukkan kesederhanaan, secara sedar atau tidak, hipokrasi berlaku kerana tindakan menyembunyikan elemen kemewahan yang ada.

Kepada sesetengah pihak, hipokrasi sebegini mungkin terpaksa dilakukan kerana ia sesungguhnya, ialah semata-mata pilihan yang ada! Seolah-olah keadaan sudah tidak boleh dibuat apa-apa lalu perlu saja menuruti sikap sekelompok Melayu yang mudah bersikap hasad dengki terhadap kelebihan yang ada pada Melayu yang berjaya.

Demi untuk terus kekal popular serta dapat terus meraih undi, jangan dedahkan pencapaian diri sebenar kepada mereka, bimbang dihasad dengki lalu tidak memperoleh undi yang diharapkan.

Persoalannya ialah, tidak mungkinkah ada yang berani menghadapi Melayu yang mudah berhasad dengki ini, dengan mengatakan tanpa rasa bersalah dan bersikap apologetik betapa mereka mempunyai sikap paling silap, yang tidak mungkin membawa kejayaan kepada bangsa sendiri?

Pemimpin apa peringkat sekalipun, hendaklah membuktikan betapa, tanggungjawab seseorang pemimpin ialah untuk memimpin. Jika dia pun mengikut apa juga yang difikirkan betul dan sesuai oleh pengikut, bukankah

dia lebih baik menjadi pengikut saja?

Dalam hal ini, lebih banyak yang perlu dipelajari daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang telah banyak membuat keputusan yang tidak bersandarkan niat menjadi popular semata-mata, dengan menuruti saja kehendak pengikut.

Penulis sebenarnya agak kagum juga dengan sikap ahli Al-Arqam ketika zaman kewujudannya, dalam soal berhasad dengki ini atau ketidakwujudan sikap ini di kalangan mereka.

Ini penulis pelajari ketika menyertai Ekspedisi Wartawan Meninjau Markas-Markas al-Arqam di utara Semenanjung pada akhir 1980-an.

Menerusnya, penulis menemui pelbagai peringkat ahli - daripada yang serendah-rendahnya hinggalah setinggi-tingginya, yakni Ashaari Muhamad sendiri. Yang serendah-rendah, kaedah pengangkutannya cuma basikal buruk, manakala setinggi-tingginya seperti Ashaari, ialah kereta Mercedes. Tiadapun yang merungut soal ketidaksamarataan taraf hingga berhasad dengki sesama mereka.

Apabila ditanya kepada petani Arqam ketika itu, mereka kata tidak mengapa begitu kerana mereka `reda'. Mereka `reda' pemimpin mereka naik kereta Mercedes seperti juga mereka `reda' mereka cuma tunggang basikal buruk, kerana itulah keperluan bagi diri masing-masing.

Dalam hal ini, tidak mungkin Melayu khususnya mereka yang mudah berhasad dengki terhadap sesama Melayu yang lebih berjaya, tidak sedar mengenai tuntutan `reda' ini.

Oleh itu, ada baiknya kajian dibuat oleh mana-mana agensi kerajaan mengenai soal hasad dengki di kalangan sekelompok Melayu ini. Mungkin yang perlu turut dikaji ialah prinsip `reda' yang ada dalam Al-Arqam ketika itu.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi di universiti tempatan, khususnya daripada universiti yang pernah penulis belajar, mungkin boleh juga mengambil inisiatif ini, dengan mendapat kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Hasil kajian kelak, mungkin boleh diserahkan kepada pihak berwajib untuk melihat serta melaksanakan mana-mana cadangan yang baik, ke arah membendung, lebih baik lagi membanteras gejala hasad dengki sesama Melayu.

Dengan ini diharap, tidak lagi diwujudkan, yang berjaya hanyalah bukan Melayu, manakala Melayu yang `menang sorak' dengan segala penguasaan politik yang ada padanya, terus-menerus menyaksikan `kampungnya tergadai' - sama ada secara langsung ataupun tidak, berikutan sikap hasad dengki.